

Headline **Noor Azrieda**  
Date **31 Dec 2009**  
MediaTitle **Utusan Malaysia**  
Section **Supplement**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**  
Page No **F21**  
Article Size **430 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **8,499**  
PRValue **25,496**



# Noor Azrieda

## contoh anak peneroka Lepar Utara 1



**M**EMBESAR sebagai anak peneroka tidak menghalang Noor Azrieda Abd. Rashid, 26, berjaya dalam akademik untuk menjadi contoh kepada adik-adiknya serta masyarakat di sekitar tanah rancangan Felda Lepar Utara 1, Wilayah Kuantan, Pahang.

Walaupun mengikuti persekolahan bermula dari

sekolah rendah hingga sekolah menengah di tanah rancangan, namun keazaman untuk berubah ternyata membawa perubahan dalam hidupnya.

Noor Azrieda yang kini bekerja sebagai Pegawai Penyelidik di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), merupakan bekas pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan pemegang Ijazah Kelas Pertama dalam jurusan Teknologi Perabot pada tahun 2006.

Beliau berkata, perjalanan hidupnya sebagai anak peneroka sama seperti anak-anak peneroka lain kerana mereka menempuhi pelbagai dugaan hidup di tanah rancangan.

"Sebaik sahaja tamat sekolah rendah, saya memilih untuk meneruskan persekolahan di sekolah menengah di tanah rancangan ini kerana mahu membuktikan bahawa sekolah tempatan boleh melahirkan pelajar cemerlang," katanya.

Selepas mendapat keputusan terbaik dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), beliau kemudian melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma dalam program industri perkayuan di UiTM, Jengka, Pahang.

Selepas itu, Noor Azrieda meneruskan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda sains dalam program teknologi perabot dan hasil usahanya telah berjaya melayakkan beliau mendapat ijazah kelas pertama.

Kini, anak peneroka itu mengikuti pengajian ke peringkat ijazah sarjana sambil bekerja di

FRIM.

Jelasnya, tanpa sokongan ibu bapa, adik-beradik dan rakan-rakan, beliau tidak akan berjaya sampai ke tahap ini.

Masalah kewangan sepanjang beliau mengikuti pengajian tidak menghadapi masalah kerana bapanya memiliki kedai makan dan runcit untuk menampung kehidupan selain mengerjakan kebun sawit.

Di FRIM, Noor Azreida berkata, beliau menjalankan kajian mengenai perkayuan yang boleh dimanfaatkan sebagai kayu komposit.

Jelasnya, pengajian ijazah sarjana yang sedang diikuti sekarang amat bersesuaian dengan kerjaya yang diceburi untuk meningkatkan lagi pengetahuan dalam bidang itu.

Kejayaan anak peneroka itu menjadi perangsang kepada generasi baru Felda di Lepar Utara 1 untuk berusaha dan memajukan diri dalam bidang akademik yang boleh menjadi sandaran

menjadi sandaran mengubah kehidupan ke arah lebih baik pada masa akan datang.

